

08 OCT 1997

Mahathir-Sokongan

MAHATHIR TERHUTANG BUDI DAN HARGAI SOKONGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan rasa terhutang budi dan penghargaan yang tinggi terhadap sokongan yang diberikan oleh rakyat, termasuk parti-parti pembangkang, kepada beliau dan kerajaan dalam menghadapi serangan terhadap ekonomi negara.

Sambil menyifatkan serangan terhadap ekonomi Malaysia itu, terutama Bursa Saham Kuala Lumpur dan mata wang negara, sebagai masalah nasional, Perdana Menteri berkata, sokongan itu merupakan petanda baik betapa rakyat, tanpa mengira sama ada mereka menyokong kerajaan atau tidak, bersedia bersatu untuk menghadapinya.

"Saya tahu kalau cuma parti kerajaan sahaja atau kawan-kawan saya sahaja yang sokong maka media asing, currency traders (pedagang mata wang) ini akan berkata bahawa saya orchestrate (rancang) sokongan ini.

"Tapi kita tahulah parti pembangkang di sini bukan mudah nak menyokong kerajaan, nak sokong Perdana Menteri. Tetapi dalam perkara ini (serangan terhadap ekonomi negara) kita bersatu padu dan menghadapi masalah ini sebagai sebuah negara yang bebas," katanya ketika ditanya pemberita di ruang legar Bangunan Parlimen, di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas sokongan padu yang disuarakan segenap lapisan rakyat termasuk parti-parti pembangkang kepada beliau dan kerajaan ketika ekonomi negara diserang oleh media asing dan pengurus dana sehingga menyebabkan mata wang negara susut 25 peratus sejak kebelakangan ini.

"Saya berasa amat terhutang budi dan amat menghargai sokongan ini. Ini masalah nasional. Apa yang berlaku kepada kita terkena kepada semua orang, bukan kena pada kerajaan sahaja ataupun parti kerajaan sahaja, tetapi terkena kepada semua orang.

"Semua orang sama ada dia menyokong kerajaan ataupun bukan menyokong kerajaan, sudah menjadi lebih miskin sebanyak 25 peratus daripada dahulu. Jadi memang baiklah kalau kita anggap ini sebagai masalah nasional dan kita bersatu dalam menangani masalah ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, sokongan padu yang diberikan rakyat akan digunakan oleh beliau dan kerajaan untuk terus melawan ketidak-adilan yang membelenggu negara-negara membangun akibat serangan bertubi-tubi oleh manipulator dan spekulator perdagangan mata wang.

Dr Mahathir berkata, pedagang-pedagang mata wang yang tidak bertanggungjawab itu telah meraih keuntungan bukan sedikit malahan ribuan juta ringgit, sekali gus memiskinkan lagi negara yang sudah miskin.

"Nampaknya mereka ini seperti ada perang. Dia attack (serang), bukan berniaga. Ini attack (serangan). Apa jenis perniagaan ini kalau you hanya attack, attack currency (mata wang) orang itu, attack currency orang ini, dan tiap kali dia attack, kita tahu dia untung cukup banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, pedagang-pedagang mata wang itu merupakan golongan yang cukup kaya kerana memiskinkan orang lain dan mereka juga mempunyai pegangan bahawa "tamak itu adalah sesuatu yang cukup baik."

"Dia mesti tamak kerana tamak itu cukup baik bagi dia. Jadi saya tak tahulah apa jenis manusia yang menganggap menjadi tamak itu satu perkara yang mulia. Ini jenis orangnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, soal serangan terhadap ekonomi negara ini telah dibincangkan pada mesyuarat mingguan Kabinet hari ini bagi mencari jalan penyelesaian.

Sambil menyatakan kesyukuran kepada Allah, beliau berkata, satu

daripada cara untuk menghadapinya sudahpun tercapai iaitu menerusi perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat.

"Yang keduanya, kita mesti ada disiplin untuk menghadapi masalah ini. Kalau kita berniaga, kita menaikkan harga barang dan sebagainya untuk cuba meraih keuntungan yang berlebihan daripada situasi ini, maka sudah tentu ekonomi negara kita akan menjadi lebih buruk dan kita akan menghadapi masalah yang amat besar," katanya. -- BERNAMA

AH NMO